

JURANG PERSEPSI ANTARA MAJIKAN INDUSTRI DAN PELAJAR PERAKAUNAN TERHADAP KURIKULUM PENDIDIKAN PERAKAUNAN

(PERCEPTION GAP BETWEEN EMPLOYERS AND ACCOUNTING STUDENTS ON
ACCOUNTING EDUCATION CURRICULUM)

Noor Lela Ahmad ¹
Hariyaty Abd Wahid ²

Abstrak

Kajian ini bertujuan menganalisis jangkauan majikan dan pelajar perakaunan tahun akhir terhadap keupayaan pendidikan perakaunan dalam menyediakan graduan perakaunan untuk menghadapi persekitaran kerja secara global. Kemahiran kerjaya dianggap penting dan perlu dimiliki oleh graduan untuk membolehkan dirinya dipasarkan secara kompetitif. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik bagi mengumpul data dari 150 orang pelajar perakaunan tahun akhir dan 50 orang majikan dari firma perakaunan. Dapatan kajian dianalisis menerusi analisis min, peratus, frekuensi dan ujian-t. Hasil analisis menunjukkan pelajar perakaunan dan majikan bersetuju bahawa terdapat kurang integrasi antara kursus-kursus yang ditawarkan dalam kurikulum, perlunya penambahan kursus baru yang lebih menekankan penguasaan kemahiran serta perlunya pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunapakai ditambahbaik. Kajian juga mendapati responden mengakui bahawa kemahiran kerjaya adalah penting kepada graduan sebagai persediaan dalam kerjaya.

Kata Kunci: Kurikulum Perakaunan, Majikan, Pelajar Perakaunan

Abstract

This study aimed to analyze the expectation of employers and final year accounting students regarding the capabilities of accounting education in providing accounting graduates with enough skills to face in a competitive work environment. Employability skills should be possessed by accounting graduates to allow them to be marketed competitively. This quantitative study used questionnaire to collect data from 150 final year accounting students and 50 employers from accounting firms. The findings were analyzed by analysis of mean, frequency and t-test. The analysis showed that accounting students and employers agree that there is a lack of integration between the courses offered, the need for a new courses that emphasize on employability skill and the need for improved teaching and learning

¹ Pensyarah, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI, Tanjong Malim, Perak. E-mail: noor.lela@fpe.upsi.edu.my

² Pensyarah, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UPSI, Tanjong Malim, Perak. E-mail: hariyaty@fpe.upsi.edu.my

approaches. The study also found that respondents believed that employability skills are essential for graduates as career preparations.

Keywords: *Accounting Curriculum, Employer, Accounting Students*

2016 GBSEJournal

Pengenalan

Perbezaan antara jangkaan majikan industri dan pelajar perakaunan terhadap kemahiran yang perlu dimiliki oleh graduan untuk diserap ke pasaran kerjaya sering menjadi isu hangat yang diperbincangkan di peringkat IPT malahan di peringkat negara. Pihak majikan berpandangan bahawa universiti, kolej dan institusi-institusi pengajian tinggi bertanggungjawab untuk menghasilkan graduan yang berkemahiran tinggi, berintelekt, fleksibel serta berkeupayaan untuk memenuhi kehendak industri dalam pasaran kerjaya (Albrecht & Sack, 2000; Warrick, et al. 2008). Kurikulum pendidikan perakaunan di IPTA turut diperkatakan berhubung aspek penyampaian, kualiti dan kesesuaiannya dengan keperluan semasa dalam menyediakan pelajar yang holistik dan berkemahiran tinggi (Hart, 2006; Gabric & Mc Fadden, 2000; Hunton, 2002). Sehubungan itu, kurikulum pendidikan perakaunan perlu mengambil inisiatif untuk memperbaiki keupayaan penyampaian kurikulum bagi melahirkan graduan yang berintelekt, holistik dan berkemahiran tinggi. Perkara ini turut diakui di kalangan ramai sarjana perakaunan berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan mendapati kurikulum perakaunan perlu diperbaiki dan dinilai semula (Albrecht & Sack, 2000; Beth, et al. 2012; Jones dan Abraham, 2003; Nishat Abbasi, 2013). Perubahan yang berlaku di Malaysia dan di seluruh dunia pada era globalisasi ketika ini telah banyak meninggalkan impak kepada persekitaran kerjaya khususnya terhadap profesion perakaunan (Albrecht & Sack 2000; Cranmer, 2006).

Laporan dari "*The Bedford Committee on Future Accounting Education, AAA 1986*" (Kavanagh & Drenan, 2008) telah menyenaraikan anjakan paradigma yang perlu dilaksanakan oleh kurikulum Pendidikan Perakaunan dan menegaskan bahawa aspek teknikal dalam kurikulum perakaunan ketika ini masih belum mencukupi bagi melahirkan profesional perakaunan untuk abad ke 21. Laporan tersebut menyatakan bahawa akauntan turut perlu dilengkapi dengan kemahiran lain seperti pemikiran kritikal dan kreatif, pembelajaran berterusan, keupayaan memimpin serta kemahiran komunikasi bagi menjalankan tugas dengan berkesan (Howieson, 2003). Selain itu *The Bedford Committee* turut mengeluarkan laporan dipanggil "*White Paper*" yang menyatakan ketidakpuasan mereka terhadap kurikulum dan kualiti graduan perakaunan di era ini (Nishat Abbasi, 2013). Menerusi laporan '*White Paper*' penekanan kepada aspek kemahiran turut dinyatakan yang memerlukan graduan perakaunan mempunyai kepelbagaian kemahiran dan pengetahuan. Didasari dari fenomena ini, The US Pathways Commission on Accounting Higher Education (PCOAHE) menegaskan tentang keperluan untuk menilai semula kurikulum pendidikan perakaunan di institusi pendidikan yang melahirkan para graduan tersebut (Beth et al., 2012).

Pelbagai pandangan dan kritikan daripada sarjana perakaunan yang mengutarakan tentang keperluan kurikulum pendidikan perakaunan untuk dinilai semula dan penambahbaikan dilakukan. Sebagai contoh Black (2012) mencadangkan perubahan dalam kurikulum perakaunan melalui integrasi kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah pelajar secara

holistik. Demski (2007) menegaskan keperluan kepada kursus jangka pendek kepada graduan perakaunan bagi persediaan pelajar menghadapi kerjaya. Manakala, Elliot & Jacobson (2002) menambah bahawa kurikulum pendidikan perakaunan hanya menekankan kepada data perakaunan, penggunaan maklumat perakaunan dan tidak strategik. Selain itu, kurikulum perakaunan di institusi pengajian tinggi lebih cenderung kepada pendidikan yang bercorak akademik dan sebaliknya penekanan kepada aspek kemahiran kurang diberi perhatian sewajarnya (DeLange et al., 2006). Hal ini menyebabkan akauntan yang dilahirkan menjadi kurang kompetitif di dalam dunia perniagaan (AICPA, 2011). Oleh yang demikian, amat perlu untuk melihat semula apakah yang diperlukan oleh kurikulum pendidikan perakaunan bagi menambahbaik kualiti pendidikan yang diberikan. Perkara ini disebabkan pelaburan terhadap ijazah perakaunan merupakan suatu pelaburan yang tidak ternilai (Schadrie, 2012).

Modal insan merupakan sumber paling menonjol untuk melonjak prestasi organisasi (Mohamed Faker & Ahmad Atef, 2013) dan peranan sebagai seorang akauntan dilihat sebagai pemacu kepada kejayaan sesebuah organisasi. Program pendidikan yang baik dan berkualiti perlu mempunyai kurikulum yang dirancang dan dibangunkan dengan perancangan yang teliti bagi mencapai hasrat untuk melahirkan tenaga kerja berkualiti (Shank, 2002). Sehubungan itu, Haywood et al. (2004) menegaskan bahawa universiti perlu memainkan peranan penting dengan melakukan perubahan yang relevan mengikut keperluan semasa dalam bidang perakaunan. Fakulti dan universiti digesa memperbaiki kursus-kursus yang ditawarkan dalam kurikulum pendidikan perakaunan bagi menyediakan pelajar yang berintegriti dan bersepadu untuk menghadapi keperluan semasa apabila berada dalam dunia pekerjaan sebenar (Earley & Kelly, 2004; Fulmer & Cargile, 2001; Funnel, 1998; Jennings, 2004; Kiger, 2004; Russel dan Smith, 2003). Birrel (2006) dan Hart (2006) menyarankan supaya universiti peka terhadap keperluan semasa dunia perniagaan yang menginginkan tenaga profesional dengan mencadangkan tindakan drastik supaya mengubah model kurikulum bagi melahirkan profil graduan perakaunan yang berkemahiran tinggi dan fleksibel dengan persekitaran semasa.

Pernyataan Masalah

Pendidikan perakaunan samada di peringkat diploma, ijazah dan sarjana telah dikritik sejak beberapa tahun yang lampau berkenaan ketidakupayaan kurikulum untuk menyediakan pelajar yang kompetitif dan berkemahiran tinggi (Cheng, 2006; Klibi & Qussi, 2013; Albrecht & Sack, 2000; Wells, 2003). Pengamal-pengamal perakaunan menyarankan kepada pendidik perakaunan bahawa struktur pendidikan perakaunan adalah ketinggalan, usang dan perlu dibaiki secara signifikan (Gose, 2004). Fenomena ini merupakan insiden yang kritikal yang perlu dihadapi bidang perakaunan dan mencerminkan kebimbangan yang perlu segera ditangani (Gunz & McCutcheon, 1998; Kerr & Smith, 1995; Kiger, 2004; Langenderfer & Rockness, 1989; Waddock, 2005). Kajian Mohamed Faker & Ahmed Atef (2013) mendapati pelajar perakaunan tidak peka dengan keperluan dunia perniagaan yang mahukan graduan memiliki kepelbagaian kemahiran teknikal dan generik bagi menghadapi konteks perniagaan yang berubah dan kompetitif. Para pelajar juga perlu dikejutkan dan disedarkan dengan keperluan semasa dunia pekerjaan yang menuntut kemahiran yang pelbagai (Mohamed Faker & Ahmad Atef, 2013). Alexander (2002), serta Russel dan Smith (2003) mendapati kurikulum Pendidikan Perakaunan kini memerlukan reformasi dan perubahan disebabkan pelajar-pelajar perakaunan yang dilahirkan daripada kurikulum ini kurang menyerlah dan statik. Sehubungan itu, Albrecht & Sack (2000) menegaskan bahawa terdapat pelbagai

masalah di dalam kurikulum pendidikan perakaunan pada masa kini dan masalah paling kritikal wujud dalam isi kandungan dan reka bentuk kurikulum itu sendiri.

Kurikulum pendidikan itu sendiri perlu direformasi dan dinilai semula (Warrick et al., 2008; Klibi & Qussi, 2013). Perkara ini sangat ditegaskan oleh Albrecht & Sack (2000) menerusi kajian mereka yang menyatakan bahawa kandungan kursus dan kurikulum perakaunan perlu diubah secara menyeluruh memandangkan apa yang di ajar oleh pendidik perakaunan tidak lagi sepadan dengan permintaan pasaran pekerjaan pada masa kini. Kandungan kursus didapati dibina dengan terlalu terperinci dan memberi fokus kepada aspek teknikal dan kurang memberi penekanan kepada kemahiran generik dan keupayaan intelektual pelajar. Oleh itu, pendidik perakaunan harus mengakui akan kesilapan mereka dalam pembuatan keputusan dalam pembangunan kurikulum (Albrecht & Sack, 2000; Chabrow & Hayes, 2001). Menurut Russel dan Smith (2003) reformasi ini memerlukan perubahan dari aspek model pendidikan yang baru dan konsisten dengan keperluan semasa dalam persekitaran global. Perubahan ini amat penting bagi memperoleh semula kepercayaan, keyakinan dan integriti dari masyarakat terhadap profesion perakaunan. Kurikulum Pendidikan Perakaunan kini menghadapi banyak masalah serius yang perlu diselesaikan seperti bilangan pelajar yang berkualiti dalam bidang perakaunan semakin berkurangan. Malah ramai pelajar berpandangan bidang perakaunan bukan suatu bidang yang terbaik untuk kemajuan diri mereka di masa hadapan (McNair dan Milan, 1993; Mintz, 1996; Russel dan Smith, 2003). Russel dan Smith (2003) menyarankan satu tindakan pembaikan perlu diambil bagi meningkatkan keupayaan dan keberkesanan kurikulum Pendidikan Perakaunan.

Sehubungan itu, pakar dan sarjana perakaunan menyarankan supaya pendidikan perakaunan melakukan pengubahsuaian terhadap kurikulum mulai dari sekarang dengan melibatkan kerjasama pelbagai pihak termasuklah dari industri. Pandangan dan gesaan ini dibuat berdasarkan pandangan ke hadapan dan dapatan dari kajian yang dilakukan oleh jawatankuasa ini terhadap kesan perubahan dalam persekitaran perniagaan (AAA, 1986). Para sarjana ramai yang mempercayai bahawa jika profesion dan kurikulum perakaunan tidak berubah maka kemungkinan pendidikan perakaunan tidak lagi memiliki integriti dan kepercayaan terhadap profesion akan lenyap, memandangkan produk yang dikeluarkan tidak lagi memenuhi permintaan (Albrecht & Sack, 2000). Aspek kritikal yang dikemukakan oleh ramai sarjana perakaunan terhadap kekurangan dan kelemahan dalam kurikulum pendidikan perakaunan menjurus kepada keupayaan kurikulum perakaunan untuk menyediakan pelajar bagi menghadapi dunia globalisasi kerjaya sebenar dan keupayaan graduan untuk bertindak balas terhadap perubahan persekitaran perniagaan yang bersifat global (Behn et al., 2012; Mathews, 2004).

Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan kajian diatas, persoalan kajian yang dibina adalah seperti berikut:

- a) Apakah perbezaan jangkaan antara pelajar perakaunan dan majikan industri dari aspek integrasi antara kursus dalam kurikulum pendidikan perakaunan?
- b) Apakah perbezaan jangkaan antara pelajar perakaunan dan majikan dari aspek penambahan kursus baru dalam kurikulum pendidikan perakaunan?

- c) Apakah perbezaan jangkaan antara pelajar perakaunan dan majikan dari aspek penggunaan pendekatan kajian kes dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kurikulum pendidikan perakaunan?

Metodologi

Kajian ini melibatkan 50 orang majikan industri yang terlibat dalam profesion perakaunan dan 150 orang pelajar perakaunan tahun akhir dari 5 buah universiti di Semenanjung Malaysia. Lima buah universiti awam di Semenanjung Malaysia dan syarikat yang terlibat dalam profesion perakaunan di Perak, Selangor, Pulau Pinang dan Kedah di telah dipilih sebagai tempat kajian pengkaji. Pembinaan soal selidik dibuat berasaskan kerangka konseptual kajian, kajian kepustakaan serta persoalan kajian. Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Data kuantitatif yang diperolehi telah dianalisis menggunakan dua jenis analisis iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis inferensi. Secara keseluruhannya, nilai *Cronbach Alpha* bagi data yang dianalisis adalah berada pada tahap kebolehpercayaan yang baik iaitu .871.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian membincangkan keperluan pelajar perakaunan dan majikan dari tiga aspek kandungan kurikulum iaitu aspek integrasi kursus, keperluan kursus tambahan dan keperluan penggunaan pendekatan kajian kes dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan.

- i. Integrasi antara kursus yang ditawarkan dalam kurikulum

Jadual 1
 Statistik Keperluan Responden dari Aspek Integrasi Kursus dalam
 Kurikulum Pendidikan Perakaunan

Item	Bil responden		Peratus %		Min			p-value
	Pelajar	Majikan	Pelajar	Majikan	Pelajar	Majikan	Jumlah	
Sangat setuju	40	11	26.66	22	4.023	4.081	4.058	0.583
Setuju	68	26	45.33	52				
Tidak pasti	24	7	16	14				
Tidak setuju	12	5	8	10				
Sangat tidak setuju	6	1	4	2				
Jumlah	150	50	100	100				

Berdasarkan Jadual 1, kajian mendapati seramai 40 responden pelajar (26.66%) dan 11 responden majikan (22%) sangat setuju bahawa terdapat kurang integrasi antara kursus-kursus dalam kurikulum pendidikan perakaunan, 68 responden pelajar (45.33%) setuju dan 26 responden majikan (52%) bersetuju, 24 responden pelajar (16%) dan 7 responden majikan (14%) tidak pasti samada kurikulum kurang integrasi dalam kursus yang ditawarkannya, 12 responden pelajar (8%) dan 5 responden majikan (10%) tidak setuju bahawa kurikulum pendidikan perakaunan kurang integrasi dan 6 responden pelajar (4%) serta 1 responden majikan (2%) sangat tidak setuju bahawa kurang integrasi dalam kurikulum pendidikan perakaunan. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden pelajar dan

majikan iaitu seramai 72% pelajar dan 74% majikan bersetuju bahawa terdapat kurang integrasi antara kursus-kursus yang ditawarkan oleh kurikulum Pendidikan Perakaunan.

ii. Keperluan Kursus Tambahan

Jadual 2
 Statistik Keperluan Responden dari Aspek Penambahan Kursus Baru dalam Kurikulum Pendidikan Perakaunan

Item	Bil responden		Peratus %		Min			p-value
	Pelajar	Majikan	Pelajar	Majikan	Pelajar	Majikan	Jumlah	
Sangat setuju	35	14	23.33	28	3.371	3.143	3.276	0.751
Setuju	62	28	41.33	56				
Tidak pasti	18	3	12	6				
Tidak setuju	21	5	14	10				
Sangat tidak setuju	14	0	9.33	0				
Jumlah	150	50	100	100				

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan 23.33% responden pelajar dan 28% responden majikan sangat setuju supaya kursus-kursus tertentu ditambah dalam kurikulum pendidikan perakaunan untuk menambahbaik keupayaan dan penyampaian kurikulum dalam melahirkan graduan berkualiti. Seterusnya 41.33% responden pelajar dan 56% responden majikan bersetuju penambahan kursus-kursus baru, 12% responden pelajar dan 6% responden majikan tidak pasti samada kurikulum memerlukan tambahan kursus baru, 14% responden pelajar dan 10% responden majikan tidak setuju bahawa kurikulum memerlukan tambahan kursus baru dan 9.33% responden pelajar serta 0% responden majikan sangat tidak setuju kurikulum pendidikan perakaunan memerlukan tambahan kursus baru. Analisis kajian menunjukkan sebahagian besar responden pelajar (65%) dan 84% majikan bersetuju bahawa kurikulum pendidikan perakaunan memerlukan kursus-kursus tambahan dalam bidang lain untuk meningkatkan keupayaan penyampaian program. Antara kursus yang dicadangkan responden adalah kursus komunikasi lisan dan penulisan dalam Bahasa Inggeris, Pemikiran Kritis dan Analitikal dan kursus yang dapat meningkatkan penguasaan kemahiran generik para pelajar.

iii. Penggunaan Pendekatan Kajian Kes dalam Pengajaran dan Pembelajaran Perakaunan

Jadual 3 dibawah memaparkan dapatan kajian yang mendapati 30.67% responden pelajar dan 24% responden majikan sangat setuju supaya pendekatan kajian kes digunakan dalam kurikulum pendidikan perakaunan untuk menambahbaik keupayaan dan penyampaian kurikulum untuk menghasilkan graduan yang fleksibel dan mahir. Seterusnya 36% responden pelajar dan 42% responden majikan bersetuju supaya pendekatan kajian kes digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan, seterusnya 9.33% responden pelajar dan 16% responden majikan tidak pasti samada pendekatan kajian kes perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan, manakala 16% responden pelajar dan 14% responden majikan tidak setuju bahawa pendekatan kajian kes perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan 8 % responden pelajar serta 4% responden majikan sangat tidak setuju bahawa pendekatan kajian perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan. Dengan ini, hasil analisis kajian mendapati sebahagian besar responden pelajar (67%) dan 66% majikan bersetuju bahawa pendekatan kajian kes diperlukan dalam

pengajaran dan pembelajaran perakaunan untuk meningkatkan keupayaan penyampaian program.

Jadual 3
 Statistik Keperluan Responden dari Aspek Penggunaan Pendekatan Kajian Kes
 dalam Pengajaran dan Pembelajaran Perakaunan

Item	Bil responden		Peratus %		Min			p-value
	Pelajar	Majikan	Pelajar	Majikan	Pelajar	Majikan	Jumlah	
Sangat setuju	46	12	30.67	24	3.423	3.524	3.472	0.781
Setuju	54	21	36	42				
Tidak pasti	14	8	9.33	16				
Tidak setuju	24	7	16	14				
Sangat tidak setuju	12	2	8	4				
Jumlah	150	50	100	100				

Perbincangan dan Rumusan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar dan majikan bersetuju bahawa kurikulum Pendidikan Perakaunan memerlukan perubahan dan penambahbaikan dari aspek kandungan kursus dan kurikulum iaitu dari aspek integrasi kursus, keperluan kursus tambahan dan keperluan penggunaan pendekatan kajian kes dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Secara amnya, pelajar dan majikan berpandangan bahawa kursus-kursus yang ditawarkan di dalam kurikulum pendidikan perakaunan memerlukan integrasi antara satu sama lain. Kedua-dua responden pelajar dan majikan menyatakan kursus-kursus perakaunan seperti perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan, perakaunan sektor awam dan pengauditan kurang integrasi antara sesama kursus malahan tiada integrasi dengan kursus-kursus lain dari luar fakulti. Oleh itu, dapatan kajian mendapati kurang kesinambungan antara perkara yang dipelajari di fakulti dengan amalan dalam dunia pekerjaan sebenar (Well, 2003; Tempone & Martin, 2004).

Selain itu, responden pelajar mencadangkan supaya individu dari latar belakang perniagaan diambil sebagai tenaga pengajar sambilan untuk memberi input berkaitan persekitaran perniagaan yang sebenar. Dapatan ini turut disokong oleh De La Harpe et al. (1999) dan Howieson (2003) yang mengusulkan supaya wujudnya integrasi antara tenaga profesional dari industri atau firma perakaunan dengan fakulti supaya individu ini dapat memberi input-input dan pengalaman berkaitan amalan perniagaan sebenar. Menurut Carr & Mathews (2004), atribut dan ciri-ciri kemahiran sepatutnya diintegrasikan dan diterapkan sepanjang program ijazah perakaunan berlangsung. Selain itu, dapatan kajian ini selari dengan kajian Cheng (2006) yang menyatakan kursus perakaunan asas, perakaunan lanjutan, perakaunan pengurusan dan pengauditan memerlukan lebih banyak integrasi dengan persekitaran perniagaan supaya perakaunan dilihat lebih komersil dan berintegriti.

Dapatan kajian juga selaras dengan kajian lebih awal oleh Albrecht & Sack (2000) dan Milner & Hill (2008) yang mendapati trend dan persekitaran perniagaan dekad ini lebih mencabar dan memerlukan tenaga perakaunan yang lebih bersedia dengan cabaran globalisasi perniagaan. Dapatan ini juga selari dengan kajian Jin & Lin (2002) yang menjalankan kajian di fakulti perakaunan universiti-universiti di China yang mendapati suasana pembelajaran

bagi kursus-kursus perakaunan agak pasif. Oleh itu, pembangunan komponen kemahiran seperti komunikasi, pemikiran analitikal dan penyelesaian masalah sangat diperlukan untuk memenuhi arus perubahan yang berlaku dalam persekitaran perniagaan. Hasil analisis mendapati kedua-dua responden pelajar dan majikan bersetuju bahawa pendekatan kajian kes perlu digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran perakaunan. Dapatan kajian adalah selari dengan kajian Cheng (2006), Pither & Soden (2000) dan Fan (2000) yang mendapati pendekatan kajian kes dapat meningkatkan keupayaan pemikiran kritikal dan analitikal pelajar serta dapat menyediakan pelajar dengan suasana sebenar persekitaran perniagaan. Oleh itu, langkah pembaikan perlu diambil dari aspek kaedah dan pendekatan pengajaran pembelajaran yang digunakan untuk perkembangan kerjaya graduan (Nguyen et al. 2005; Tan et al., 2004).

Rujukan

- Albrecht, S. & Sack, R. 2000. *Accounting Education: Charting the Course Through a Perilous Future*. Sarasota, FL: The American Accounting Association.
- Albrecht, S. & Sack, R. 2001. The Perilous Future of Accounting Education. *CPA Journal*, 71 (3). 16-23.
- Arquero Montano, J., Donoso, J., Hassal, T. & Joyce, J. 2001. Vocational Skills in the Accounting Professional Profile: The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) Employer Opinion. *Accounting Education: An International Journal*, 10(3), 299-313.
- Arquero Montano, J., Cardoso, S., & Joyce, J. 2004. Skills Development, Motivation and Learning in Financial Statement Analysis: An Evaluation of Alternative Types of Case Studies. *Accounting Education: An International Journal*. 13(2). 191-212.
- Alexander, H.A. 2002. Moral education and liberal democracy: spiritually, community, and character in an open society. *Educational Theory*. 53: 367-388.
- American Accounting Association, Committee on the Future Structure, Content, and Scope of Accounting Education (The Bedford Committee), 'Future Accounting Education; Preparing for the Expanding Profession. *Issues in Accounting Education*. Spring (1987): 168-195.
- Birrel, B. 2006. *The Changing Face of the Accounting Profession in Australia*. CPA. Australia, Melbourne.
- Carr, S. & Mathews, M. 2004. Accounting Curriculum Change and Iterative Programme Development: A Case Study. *Accounting Education: An International Journal*. 13 (1), 91-116.
- Cheng, K.W. 2006. The Gap Between the Providers and Suppliers of Accounting Education in University on the Curriculum Design Perspectives. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*. November: 127-136.
- Cranmer, s. 2006. Enhancing Graduate Employability: Best Intentions and mixed Outcomes. *Studies in Higher Education*, 31(2), 169-184.
- De La Harpe, B., Radloff, A. & Wyber, J. 1999. What do Professional Skills Mean for Different Disciplines in a Business School? Lesson Learned from Integrating Professional Skills Across the Curriculum, 7th ISL Symposium, York, September.
- Howieson, B. 2003. Accounting Practice in the New Millennium: Is Accounting Education Ready to Meet the Challenge? *The British Accounting Review*, 35, 69-103.
- Jin, M. & Lin, F. 2002. The recent development of accounting education in China, working paper(#50/02), Charles Sturt University, Barthurst, Australia.

- Jones, G. E. & Abraham, A. 2009. The Value of Incorporating Emotional Intelligence Skills in the Education of Accounting Students. *The Australasian Accounting Business & Finance Journal*, 3 (2), 48-63.
- Leveson, L. 2000. Disparities in Perceptions of Generic Skills: Academics and Employers. *Industry and Higher Education*, 14, 157-164.
- Milner, M.M. & Hill, W.Y. 2008. Examining the skills debate in Scotland. *International Journal of Management Education*.
- Russell, K.A. and Smith, C. S. 2003. It's time for a new curriculum. *Strategic Finance*. 85(6): 1-5.
- Smith, L. M. 2003. A fresh look at accounting ethics (or Dr. Smith goes to Washington). *Accounting Horizons*. 17 (1): 47-49.
- Tan, L., Fowler, M. & Hawkes, L. 2004. Management Accounting Curricula: Striking a Balance Between the Views of Educators and Practitioners. *Accounting Education: An International Journal*, 13 (1), 51-67.
- Tempone, I. & Martin, E. 2003. Iteration Between Theory and Practice as a Pathway to Developing Generic Skills in Accounting. *Accounting Education: An International Journal*. 12 (3), 227-244.
- Wells, P., Geblic, P., Kranenburg, I., & Bygrave, J. 2009. Professional Skills and Capabilities of Accounting Graduates: The New Zealand Expectation Gap? *Accounting Education: An International Journal*, 18(4-5), 403-420.